

SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI DAERAH TUARAN, 1881 - 1981

FRANCISCA BINTI LUKAS

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT BAGI
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG
SEJARAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



183864

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: SEJARAH PERKEMBANGAN PENGETAHUAN DI DAERAH TUANAN,
1881-1981'

IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA FRANCISCA BINJI LUCAS SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengakui membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

POLICHER BALA

Nama Penyelia

Tarikh: 5/10/2009

Alamat Tetap:

Tarikh: 5/10/09

CATATAN: *Potong yang tidak berkemasan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN UMS




1400017103

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan pelajar : 
 Nama : Francisca binti Lukas
 No. Matrik : HA 2006-4380
 Tarikh : _____

PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengakui bahawa latihan ilmiah ini telah dihasilkan oleh pelajar ini mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan : _____
 Nama : En. Bilcher Bala
 Tarikh : _____



PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur kerana atas berkatNya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya.

Setinggi- tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujuhan buat penyelia, En. Bilcher Bala atas nasihat, tunjuk ajar, bimbingan dan teguran yang membina yang menjadi sepanjang proses penyiapan latihan ilmiah ini. Dorongan dan tunjuk ajar serta kesabaran beliau amatlah saya hargai.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan buat Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Majlis Daerah, Pejabat Daerah, sekolah-sekolah di Daerah Tuaran serta agensi kerajaan yang lain atas kerjasama dan kesedian memberikan maklumat dalam menjalankan kajian ini. Tidak saya lupakan untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah sejarah di sekolah Sains Sosial. Ucapan terima kasih juga saya tujuhan buat sahabat saya terutamanya Jimrynn James, Nursima binti Nurjimar, Alizah binti Samat, Maria anak Sami, Julia Thien dan lain-lain, para responden dan rakan serumah di Kolej Kediaman Indah Permai atas dorongan, idea dan masa yang diluangkan untuk saya sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujuhan buat keluarga saya terutamanya ayah dan ibu yang banyak memberi bantuan kewangan dan sokongan tanpa mengenal erti jemu.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat semua pihak yang terlibat atas sumbangan, sokongan, dorongan dan panduan. Semoga kebaikan semua pihak yang terlibat mendapat balasan dan berkat daripada-Nya.

Sekian, terima kasih.

Francisca binti Lukas,
Program Sejarah,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.



ABSTRAK

Perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran bermula selepas kedatangan penjajah Barat apabila sistem pendidikan formal berasaskan sistem persekolahan diperkenalkan mengantikan sistem pendidikan tradisional. Namun, tidak banyak yang diketahui oleh masyarakat umum mengenai sejarah perkembangan pendidikan serta sumbangan bidang pendidikan dalam aspek pembangunan sosial dan ekonomi daerah tersebut. Kajian ini akan membincangkan tentang sejarah perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran dan peranannya dalam menjana pembangunan sosio-ekonomi daerah tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada aspek yang melibatkan latar belakang Daerah Tuaran, perkembangan pendidikan dengan melihat kepada pertambahan bilangan sekolah yang ditubuhkan sehingga tahun 1981 dan pengaruh pendidikan dalam menjana pembangunan sosio-ekonomi daerah tersebut. Dalam menjalankan kajian ini, disiplin sejarah dijadikan sebagai teras kajian yang berasaskan kepada sumber primer dan sekeunder. Selain itu, kaedah pemerhatian dan temu bual juga digunakan.

ABSTRACT***The History of Education Development in Tuaran District***

The development of education in Tuaran District began after the colonization of British colony. The traditional education system has been changed into formal education system. However, there is too least information known about the history of education development in Tuaran District and its contribution on social and economic development. This research would discuss about the history of the education development in Tuaran District and the influence of education on social and economic development. The main aspect that will be discussed including the background of Tuaran District, the development of education according to the increasing of school until 1981 and the influence of education on the development of social and economic aspect. The history method is applied as a methodology of research including the approaches of primary and secondary sources, observation and interview.



SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Penghargaan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Senarai Kandungan	vii
Senarai Peta	ix
Senarai Carta	x
Senarai Penyata	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Gambar	xiii
Singkatan Perkataan	xv
Bab 1: Pendahuluan	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Permasalahan Kajian	2
1.3. Objektif Kajian	3
1.4. Soroton Literatur	4
1.5. Kepentingan Kajian	11
1.6. Skop Kajian	12
1.7. Metodologi Kajian	12
1.8. Pembahagian Bab	13
1.9. Masalah Ketika Menjalankan Kajian	14
1.10. Rumusan	15
Bab 2: Latar Belakang Daerah Tuaran	
2.1. Pengenalan	17
2.2. Asal-Usul Daerah Tuaran	17
2.3. Latar Belakang Pentadbiran	23
2.3.1. Pentadbiran di bawah SBBUB	24
2.3.2. Pejabat Daerah Tuaran	26
2.4. Latar belakang Pembangunan Ekonomi	29
2.5. Latar Belakang Pembangunan Sosial	32
2.6. Demografi	35
2.7. Rumusan	40



Bab 3: Perkembangan Pendidikan Di Daerah Tuaran	
3.1. Pengenalan	41
3.2. Sistem Pendidikan Tradisional	42
3.3. Sistem Pendidikan Penjajah	
3.3.1. Pendidikan Zaman SBBUB	44
3.3.2. Pendidikan Zaman Jepun	47
3.3.3. Pendidikan di bawah Kolonial British	50
3.4. Sistem Pendidikan Selepas Merdeka	53
3.5. Perkembangan Sekolah di Daerah Tuaran	60
3.6. Rumusan	77
Bab 4: Pendidikan: Menjana Sosio-Ekonomi daerah Tuaran	
4.1. Pengenalan	78
4.2. Faktor Perkembangan Pendidikan di Daerah Tuaran	80
4.3. Peranan Pendidikan Dalam Menjana Pembangunan Sosio-Ekonomi Tuaran	87
4.4. Reaksi Masyarakat	94
4.5. Rumusan	96
Bab 5: Kesimpulan	98
Bibliografi	99
Lampiran A	110
Lampiran B	111
Lampiran C	112
Lampiran D	113
Lampiran E	114
Lampiran F	115
Lampiran G	116
Lampiran H	117
Lampiran I	118
Lampiran J	119
Lampiran K	120
Lampiran L	121
Lampiran M	122
Lampiran N	123
Lampiran O	124
Lampiran P	125
Lampiran Q	126
Lampiran R	127
Lampiran S	128
Lampiran T	129
Lampiran U	131

SENARAI PETA

TAJUK	HALAMAN
2.2.1 Kedudukan Daerah Tuaran dalam Peta Sabah	18
2.2.2 Peta Daerah Tuaran Termasuklah Tiga Bahagian Utama Mengikut Kawasan Pilihanraya iaitu N. O9 Tamparuli, N. 10 Sulaman dan N.11 Kiulu	18
2.2.3 Kedudukan Strategik Daerah Tuaran	20
Kedudukan Peta Daerah Tuaran: Pandangan dari Laut Cina Selatan	Lampiran A 110
Pekan Tuaran	Lampiran B 111
Pekan Tamparuli	Lampiran C 112
Pekan Kiulu	Lampiran D 113



SENARAI CARTA

TAJUK	HALAMAN
2.3.2.1 Struktur Pentadbiran British di Daerah Tuaran	27



SENARAI PENYATA

TAJUK	HALAMAN
SMK Badin Tuaran: Maklumat Asas Sekolah 2009	131

SENARAI JADUAL

TAJUK	HALAMAN
2.3.2.1 Senarai Nama Pegawai Daerah Tuaran Sebelum Sabah Menyertai Pembentukan Malaysia hingga Tahun 1982	28
2.4.1 Jumlah Perbelanjaan untuk Pembangunan Luar Bandar Daerah Tuaran Dari Tahun 1973-1980	31
2.5.1 Senarai Dresser yang Terlibat dalam Tugas Secara Bergilir-gilir	34
2.6.1 Populasi Penduduk di Daerah Tuaran Berdasarkan Etnik dan Jantina Bagi Tahun 1960, 1970 dan 1980	38
3.4.1 Jenis Projek dan Belanjawan yang Dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Tuaran di Sekolah Sekitar Daerah Tuaran	55
3.4.2 Jumlah Pengambilan Pelajar dar Daerah Tuaran untuk Mengikuti Pelajaran Menengah di Semenanjung Malaysia bagi Tahun 1968-1980	58
3.4.3 Bilangan Sekolah dan Murid yang Mendapat Bantuan Pakaian Seragam dan Buku Tulis daripada Yayasan Sabah Tuaran	59
3.5.1 Senarai Nama Guru Besar SK Lok Yuk Telipok dari tahun 1920 Hingga 1983	61
Senarai Nama Kampung-kampung, Bilangan Penduduk, Bilangan Rumah dan Penggunaan Bahasa di Daerah Kecil Tamparuli	Lampiran Q 126
Senarai Nama Kampung-kampung, Bilangan Penduduk, Bilangan Rumah dan Penggunaan Bahasa di Bahagian Sulaman	Lampiran R 127
Senarai Nama Kampung-kampung, Bilangan Penduduk, Bilangan Rumah dan Penggunaan Bahasa di Bahagian Kiulu	Lampiran S 128
Murid Mengikut Kaum dan Kelas, SMK Badin Tuaran Bagi Januari 2008	Lampiran T 129



SENARAI GAMBAR

TAJUK	HALAMAN
2.2.4 Gambaran Petempatan Awal di Daerah Tuaran	21
2.2.5 Bangunan Rumah Kedai yan Wujud di Daerah Tuaran Menjadi Bukti Perkembangan Bidang Perniagaan	22
2.3.2.1 Urusetia Kecil Daerah Tuaran	28
3.3.3.1 Bangunan Lama SJK (C) St. Philip Tamparuli	51
3.4.1 Yayasan Sabah Tuaran	57
3.5.1 Panorama Sekolah SRJK (C) Kok Wah Telibong	62
3.5.2 Sekolah Rendah Kiulu di Awal Penubuhan	66
3.5.3 Sekolah Menengah Kebangsaan Kiulu Selepas Mempunyai Bangunan Tetap	67
3.5.4 Pemandangan Sekolah Kebangsaan Kindu Pada Masa Kini	68
3.5.5 Bangunan Sekolah Kebangsaan Pekan Telipok di Awal Penubuhan	71
3.5.6 Gambaran Bangunan SMK Tamparuli di Awal Penubuhan	72
3.5.7 Bangunan Lama SK Tudan Ulu, Tuaran	75
3.5.8 Maktab Perguruan Kent Tuaran di Awal Penubuhan	76
Sungai Tuaran dahulu	Lampiran E 114
Sungai Tuaran Kini	114
Urusetia Kini	Lampiran F 115
Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran	115
Jabatan Perangkaan Negeri Sabah	Lampiran G 116
Tamu Tuaran Kini	116



Sekolah SJK (C) Chung Hwa, Tamparuli	Lampiran H
Tenaga Guru Awal di SK Mengkabong Tuaran	117
	117
SK. Nongkolud di Awal Penubuhan	Lampiran I
SK. Pekan Telipok di Awal Penubuhan	118
	118
OKK. Bayang bin Bolong Pengasas SMK. Tamparuli dan SK. Pekan Tamparuli	Lampiran J
	119
Responden: Norhayati Shafie	119
Responden: En. Rejoss Moo	Lampiran K
Penyelidik Bersama Responden	120
	120
Penyelidik Bersama Responden	Lampiran L
Kajian lapangan Penyelidik di Kg. Mengkabong: Temu Bual dengan KK. Dawi Haji Utoh	121
	121
Responden: En. Darasin Kasim, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar di SK Kindu Tuaran	Lampiran M
	122
Responden: En. Rahman Awang, Guru Besar SK Kindu Tuaran	122
Responden: En. Arjin bin Haji Bidin, Ketua Kampung Kg. Kindu Tuaran	Lampiran N
	123
Responden: Haji Haris bin Haji Abu Bakar, Penduduk Asal Kg. Kindu Yang Sudah Berumur 74 Tahun	123
Responden: Haji Basri bin Muhiddin dan Hajah Siti Ramlah	Lampiran O
Penyelidik dan Rakan bersama Responden di Kg. Serusup	124
	124
Responden: En. Rahman Noor, JKKA Kg. Serusup	Lampiran P
Penyelidik dan Rakan Bersama Responden	125
	125

SINGKATAN PERKATAAN

BCCM	BASEL CHRISTIAN CHURCH OF MALAYSIA
En.	ENCIK
GJSS	GOVERNMENT JUNIOR SECONDARY SCHOOL
GPS	GOVERNMENT PRIMARY SCHOOL
JKKK	JAWATANKUASA KESELAMATAN KAMPUNG
Kg.	KAMPUNG
KK	KETUA KAMPUNG
NVS	NATIVE VOLUNTARY SCHOOL
OKK	ORANG KAYA-KAYA
O.T	ORANG TUA
SBBUB	SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH
Sg.	SUNGAI
SJK (C)	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA
SK	SEKOLAH KEBANGSAAN
SM	SEKOLAH MENENGAH
SMK	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
SRJK(C)	SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA
ST	SAINT



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Kajian ini adalah bertajuk *Sejarah Perkembangan Pendidikan Di Daerah Tuaran:1881-1981*. Kajian ini akan meneliti perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran khususnya dalam tahun-tahun yang banyak mencipta peristiwa sejarah. Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan proses perkembangan pendidikan yang berlaku di Daerah Tuaran sepanjang tahun yang dikaji supaya masyarakat dapat mengetahui peristiwa-peristiwa penting yang telah mencorakkan perkembangan sistem pendidikan di Daerah Tuaran.

Dalam kajian ini beberapa perkara penting akan cuba untuk diketengahkan. Pertama, kajian ini akan membincangkan latar belakang Daerah Tuaran. Perbincangan ini merangkumi aspek ekonomi, sosial dan juga politik Daerah Tuaran. Kajian ini juga akan mengupas proses perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran dengan memperlihatkan perubahan sistem pendidikan dari zaman penjajahan Jepun dan British sehingga Sabah merdeka dan ditadbir oleh kerajaan BERJAYA. Di samping itu, kajian ini juga ingin memperlihatkan dan juga menganalisis peranan pendidikan dalam menjana pembangunan sosio-ekonomi di Daerah Tuaran serta reaksi masyarakat terhadap perkembangan yang berlaku.

Aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan tujuan kajian ini dilakukan. Kajian ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan pendidikan yang berlaku di Daerah Tuaran dari zaman penjajahan British sehingga ke zaman pemerintahan Kerajaan BERJAYA. Dalam bab ini juga akan dibincangkan aspek permasalahan kajian, soroton literatur, kepentingan kajian,

metodologi kajian dan juga pembahagian bab bagi memudahkan pengkaji membuat analisis dan memberi panduan kepada pengkaji mengenai bahan-bahan yang diperlukan untuk menyiapkan kajian ini.

Secara keseluruhannya bab ini akan membincangkan mengenai rangka awal dan persediaan pengkaji untuk memulakan kajian supaya pengkaji tidak terpesong daripada tujuan asal menjalankan kajian ini. Penyelidikan perlu dijalankan secara tersusun supaya hasil kajian yang diperoleh adalah berlandaskan kepada fakta-fakta yang sah dan boleh dipercayai seterusnya mampu bertahan lama sebagai karya penulisan sejarah yang berwibawa. Dalam masa yang sama, pengulangan fakta yang sama juga dapat dielakkan supaya hasil kajian yang diperoleh dapat memberi pengetahuan baru kepada masyarakat.

1.2. PERMASALAHAN KAJIAN

Daerah Tuaran merupakan salah sebuah daerah yang terdapat di Sabah yang sedang pesat membangun. Kepesatan pembangunan dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutamanya perkembangan pendidikan yang merupakan salah satu aspek penting yang telah menjana pembangunan sosio-ekonomi daerah tersebut. Melalui perkembangan pendidikan maka ramai individu yang berkemahiran dilahirkan dalam usaha untuk meningkatkan taraf pembangunan sosio-ekonomi di daerah tersebut. Oleh itu, kajian ini akan meneliti secara terperinci mengenai tiga permasalahan utama kajian iaitu:

Pertama, bagaimanakah bentuk perkembangan sistem pendidikan di Daerah Tuaran dari tahun 1881-1981? Permasalahan ini akan cuba dikupas dengan meninjau perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran dari tahun 1881-1981 daripada pendidikan awal yang bersifat tradisional sehingga ke bentuk yang lebih formal di samping penelitian ke atas perkembangan pendidikan yang berlaku selepas merdeka dan Sabah ditadbir oleh pemerintah tempatan.

Kedua, bagaimanakah perkembangan sekolah-sekolah di Daerah Tuaran dari tahun 1881-1981? Permasalahan ini akan cuba dijelaskan dengan meninjau dan meneliti

sekolah-sekolah yang terdapat di Daerah Tuaran sepanjang tempoh yang dinyatakan. Penelitian untuk mengupas permasalahan tersebut akan menekankan aspek pertumbuhan bilangan sekolah.

Ketiga, apakah terdapat peranan daripada badan tertentu ataupun individu perseorangan dalam proses perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran? Permasalahan ini akan meneliti pengaruh golongan mualigh Kristian, pihak kerajaan, ketua kampung, guru-guru dan masyarakat terhadap pertumbuhan pendidikan di Daerah Tuaran. Di samping itu juga, permasalahan ini juga akan cuba menilai dan memperlihatkan peranan pendidikan dalam melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk memastikan matlamat penyelidikan Sejarah tercapai supaya karya yang dihasilkan berwibawa dan dapat menjawab permasalahan kajian dengan fakta yang benar. Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan tahap perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran.

Kajian ini akan menjelaskan mengenai bentuk perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran. Ini meliputi perkembangan sekolah-sekolah, menilai pengaruh pendidikan yang amat dominan dalam perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran dan menilai peranan pendidikan sebagai agen penjana pembangunan sosio-ekonomi Daerah Tuaran. Berdasarkan kepada objektif tersebut maka penyelidikan ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran dari tahun 1881-1981 serta menilai secara kritikal peranan pendidikan dalam menjana pembangunan sosio-ekonomi Daerah Tuaran.

1.4. SOROTAN LITERATUR

Soroton literatur merupakan salah satu bahagian yang amat penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Ini kerana, pembacaan yang meluas perlu dilakukan untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan tidak mengulangi kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Di samping itu juga, gambaran awal mengenai aspek yang ingin dikaji juga boleh diperoleh bagi memudahkan pelaksanaan kajian. Dengan adanya penelitian terhadap kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelumnya maka penyelidik dapat mengenalpasti aspek yang belum pernah dibincangkan seterusnya menghasilkan penulisan yang berwibawa serta dapat bertahan lama. Sehubungan dengan itu, beberapa buah buku telah digunakan sebagai soroton literatur dalam kajian ini terutamanya karya yang banyak membincangkan tentang isu pendidikan.

Dalam karya James C. Jackson (1976) yang bertajuk *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri Sedang Membangun* membincangkan aspek pendidikan di Sarawak. Beliau mendapati bahawa pendidikan di Sarawak merupakan satu agen untuk menyatupadukan masyarakat pada peringkat kebangsaan terutamanya dalam usaha untuk menghapuskan unsur-unsur perkauman.¹ Oleh itu, terdapat tiga tujuan utama pendidikan iaitu mengembangkan sistem persekolahan kebangsaan tunggal, menyediakan peluang dalam pelajaran menengah dan memperluaskan kemudahan pelajaran bumiputera.² Bagaimanapun, karya ini memerlukan kajian lanjutan kerana perbincangan tidak menerangkan secara terperinci mengenai peranan pendidikan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk bumiputera supaya selari dengan proses pembangunan yang dicapai oleh negara.

Kajian dan penulisan mengenai aspek pendidikan di Sabah memang telah banyak dihasilkan. Namun semua sumber tersebut hanya membincangkan secara umum mengenai bidang tersebut. Karya Mohd. Nor bin Long yang bertajuk *Perkembangan*

¹ Jackson, Jame C. 1976. *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri Yang Sedang Membangun*. Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd. Hlm. 228.

² *Ibid.* Hlm. 231.

Pelajaran di Sabah (1978) walaupun membincangkan dengan jelas mengenai perkembangan bidang pendidikan di Sabah secara keseluruhannya melalui pertambahan bilangan sekolah namun perbincangan hanya secara umum sahaja. Perbincangan memang dapat menjelaskan kepada pembaca mengenai perkembangan yang berlaku. Misalnya, perkembangan yang berlaku dengan pertambahan bilangan Sekolah Sukarela Rakyat yang ditubuhkan di seluruh pelusuk Negeri Sabah.

Dapat dipastikan bahawa perkembangan berlaku apabila bilangan sekolah meningkat iaitu pada tahun 1954 terdapat hanya 4 buah sekolah, meningkat kepada 13 buah pada tahun 1955, meningkat lagi kepada 16 buah pada tahun 1958 dan terus meningkat kepada 122 buah sekolah pada tahun 1962.³ Penulis juga dapat mengenalpasti lokasi penubuhan sekolah tersebut seperti di Daerah Keningau, Kota Belud dan Penampang. Namun, penubuhan sebuah Sekolah Sukarela Rakyat di Daerah Tuaran pada tahun 1959 tidak dijelaskan sedangkan sebuah sekolah yang pada peringkat awal dikenali sebagai *Native Voluntary School* telah wujud di Daerah Tuaran iaitu di sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Kindu.

Karya Majin bin Haji Ajing yang bertajuk *Pelajaran di Sabah 1963-1973* dalam buku *Pendidikan Di Malaysia Dahulu Dan Sekarang* (1980) membincangkan secara umum mengenai sistem pendidikan yang diamalkan di Sabah termasuklah mengenai dasar pelajaran yang diamalkan, masalah yang wujud dalam pelajaran di Sabah dan pengajian tinggi Yayasan Sabah. Misalnya, antara masalah yang dikenalpasti wujud adalah mengenai kekurangan guru yang terlatih di peringkat sekolah menengah sebelum tahun 1972 sehingga mendesak kerajaan Sabah untuk melatih lebih ramai guru daripada luar Negeri Sabah.⁴

Karya Anwar Sullivan dan Cecelia Leong (ed.) yang bertajuk *Commemorative History of Sabah 1881-1981* (1981) merupakan sebuah penulisan yang membincangkan secara keseluruhan tentang sejarah pembangunan dalam semua aspek di Sabah.

³ Mohd. Nor bin Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia. Hlm. 23.

⁴ Majin bin Haji Ajing. 1980. *Pelajaran di Sabah: 1963-1973*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm. 172.

Sejarah pembangunan pendidikan yang dibincangkan memang menyeluruh kerana perbincangan dijalankan secara kronologi iaitu sejak pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu sehingga Sabah merdeka selepas menyertai pembentukan Malaysia. Namun, perbincangan tidak menyentuh mengenai perkembangan pelajaran terutamanya yang melibatkan daerah secara khusus menyebabkan tidak ada maklumat khusus yang diperoleh mengenai perkembangan pendidikan yang dicapai dalam sesebuah daerah di Sabah.

Walaupun perbincangan mengenai perkembangan pendidikan turut menyentuh perkembangan yang berlaku di daerah tertentu di Sabah misalnya Sandakan namun aspek pendidikan di Daerah Tuaran kurang dijelaskan. Ulasan mengenai Daerah Tuaran hanya menyentuh mengenai penubuhan Maktab Perguruan Kent yang memang merupakan maktab perguruan yang terawal yang ditubuhkan di Sabah.⁵ Justeru, untuk memperlihatkan dengan lebih jelas perkembangan yang berlaku dalam aspek pendidikan di Daerah Tuaran maka kajian lanjutan perlu dilaksanakan supaya perkembangan yang berlaku dapat diuraikan dengan lebih jelas.

Karya Jeffery G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili (ed.) yang bertajuk *Sabah 25 Years later: 1963-1988* (1989) membincangkan tentang latar belakang bermulanya sistem pendidikan formal berbentuk persekolahan di Sabah. Perkembangan yang diulas merangkumi pembangunan dalam bentuk fizikal, sumber kewangan dan pentadbiran aspek pendidikan, perkembangan kurikulum, tenaga pengajar, kemajuan secara kualitatif dalam bidang pendidikan dan sebagainya. Peranan Yayasan Sabah juga diuraikan terutamanya mengenai sumbangan Yayasan tersebut dalam meningkatkan dan memberi peluang pendidikan, kemudahan dan perkhidmatan kepada pembangunan pendidikan. Misalnya, memberi kemudahan pakaian sekolah secara percuma, kasut dan juga alat tulis.⁶ Bagaimanapun, perkembangan pendidikan yang berlaku di Daerah Tuaran kurang dijelaskan menyebabkan perkembangan pendidikan yang berlaku di

⁵ Anwar Sullivan & Leong, Cecelia (ed.). 1981. *Commemorative History of Sabah*. Kuala Lumpur: Sabah State Government Centenary Publications Committee. 1st Edition. Hlm. 510.

⁶ Kitingan, Jeffery G. & Ongkili, Maximus J. (ed.). 1989. *Sabah 25 Years Later: 1963-1988*. Sabah: Institute for Development Studies. Hlm. 307.

daerah tersebut masih menjadi tanda tanya khususnya di kalangan penduduk tempatan daerah itu sendiri.

Karya Stephen R. Evans yang bertajuk *Sabah (North Borneo) Under the Rising Government* (1990) telah memberikan gambaran kepada penyelidik mengenai situasi di Sabah semasa pendudukan Jepun. Perbincangan dalam karya tersebut meliputi aktiviti, ideologi ketenteraan dan objektif pendudukan Jepun di Borneo Utara dan Tanah Melayu serta Asia Tenggara secara keseluruhannya. Reaksi masyarakat terhadap pendudukan Jepun juga dibincangkan yang secara tidak langsung memberi gambaran kepada penyelidik mengenai keadaan hidup masyarakat semasa era pendudukan Jepun. Oleh itu, secara tidak langsung penyelidik mempunyai garis panduan mengenai keadaan Daerah Tuaran semasa pendudukan Jepun seterusnya memudahkan penyelidik untuk menghuraikan pengaruh Jepun di Daerah Tuaran terutamanya dalam aspek perkembangan pendidikan. Penulis memang tidak menyentuh secara khusus tentang kegiatan Jepun di Daerah Tuaran namun penulisan tersebut dapat dijadikan gambaran awal kerana secara analisisnya dasar pemerintahan Jepun adalah sama dalam pentadbiran di Sabah.

Karya Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram (1990) yang bertajuk *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak* hanya membincangkan secara umum mengenai perkembangan pendidikan di Sarawak sebelum era pemerintahan Regim Brooke, semasa pemerintahan Regim Brooke dan juga pentadbiran secara langsung oleh koloni British. Karya ini memperlihatkan dengan jelas perkembangan pendidikan di Sarawak berdasarkan kepada perkembangan sekolah-sekolah dan juga pendidikan guru melalui pembinaan Maktab Latihan.⁷ Bagaimanapun, masih terdapat kelompongan dalam karya ini kerana penyelidik tidak membincangkan dengan terperinci perkembangan pendidikan di Sarawak yang melibatkan daerah-daerah untuk menjelaskan perkembangan pendidikan Sarawak secara keseluruhannya. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dijalankan bagi menilai perkembangan pendidikan di Sarawak dalam konteks tempatan. Dalam kajian ini, karya tersebut hanya dapat digunakan sebagai sumber rujukan untuk pengkaji mendapatkan ilham mengenai cara untuk memulakan penulisan, aspek yang

⁷ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Hlm. 7 & 187.

perlu dibincangkan serta susunan perbincangan yang teratur untuk memudahkan pembacaan pembaca.

Karya Saedah Hj. Siraj, *et.al* yang berjudul *Pendidikan Di Malaysia* (1993) hanya memfokus kepada perkembangan pendidikan di Malaysia tetapi tidak semua perkembangan pendidikan di setiap negeri yang terdapat di Malaysia dibincangkan. Bagaimanapun, karya ini menjelaskan bahawa kesan daripada perkembangan pendidikan Malaysia secara umum maka integrasi antara pendidikan di Sabah dengan pendidikan kebangsaan berjaya dilaksanakan.⁸ Karya ini juga menerangkan perkembangan pendidikan semasa zaman penjajahan British iaitu antara tahun 1786-1956 yang meliputi Sekolah venakular, Sekolah Inggeris, Sekolah Vokasional dan lain-lain lagi di Tanah Melayu.⁹ Oleh itu, karya ini dapat memberi suatu gambaran mengenai struktur sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia. Dengan itu, karya ini penting sebagai panduan kepada pengkaji dalam membandingkan sama ada perkembangan pendidikan di lokasi yang dikaji mempunyai talian dengan gambaran yang telah diperoleh.

Penulisan tesis oleh Hilladzirah/Hani bte Abd. Hamid yang bertajuk *Perkembangan Sekolah-Sekolah di Jesselton pada Tahun 1880-an sehingga 1941* (1998/1999) mendapati bahawa sejarah awal perkembangan sekolah di Jesselton bermula apabila kaum Cina menetap di Sabah.¹⁰ Turut dinyatakan bahawa perkembangan pendidikan di Sabah turut mendapat pengaruh daripada golongan mualigh Kristian yang telah menjalankan usaha untuk membina sekolah di sekitar Jesselton dan Sandakan yang hanya diisi oleh masyarakat Cina.¹¹ Penulisan tersebut secara langsung telah memberi gambaran kepada penyelidik bahawa perkembangan pendidikan di Sabah menerima pengaruh yang kuat daripada masyarakat Cina serta

⁸Saedah Hj. Siraj, *et.al*. 1993. *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. Hlm. 63.

⁹*Ibid.* Hlm. 47.

¹⁰Hilladzirah/Hani bte Abd. Hamid. 1998/1999. *Perkembangan Sekolah-Sekolah di Jesselton pada Tahun 1880-an sehingga 1941*. Universiti Malaya: Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial. Hlm. 17.

¹¹*Ibid.* Hlm. 16.

mubaligh Kristian seterusnya membantu dalam penyelidikan mengenai pengaruh yang dominan terhadap perkembangan pendidikan di Daerah Tuaran.

Penulisan tesis oleh Jacqueline Aidah Walter yang bertajuk *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka* (1998) mengulas mengenai sistem pendidikan di Sabah sebelum kadatangan kuasa Barat adalah berbentuk tidak formal iaitu secara tidak tersusun dan hanya melibatkan pengajaran tentang Agama Islam (Al-Quran) ataupun melibatkan ibu-bapa yang menggunakan tradisi lisan bagi memberikan teladan kepada anak-anak mereka.¹² Oleh itu, pendidikan formal hanya bermula di Sabah selepas kedatangan kuasa Barat melalui peranan Mubaligh Kristian yang dimulakan oleh Mubaligh Kristian mazhab Katolik, Anglikan dan seterusnya Basel.¹³ Namun begitu, skop kajian ini hanya membataskan jangka masa kajian sebelum merdeka sahaja dan perkembangan pendidikan selepas merdeka di Sabah tidak dibincangkan.

Penulisan tesis oleh Seah Soo Lin yang bertajuk *Perkembangan Sekolah-Sekolah Cina di Borneo Utara/Sabah 1888-1970: Suatu Tinjauan dari Segi Sejarah* (2001) membincangkan tentang perkembangan pendidikan di Sabah yang dipelopori oleh orang Cina yang amat menitikberatkan aspek pendidikan sebagai langkah untuk mengekalkan identiti mereka sebagai etnik Cina dalam usaha untuk memelihara budaya dan bahasa ibunda mereka.¹⁴ Penulisan tersebut bagaimanapun hanya mengambil contoh beberapa sekolah yang terletak di bahagian Kota Kinabalu dan Sandakan namun tidak menyentuh mengenai kewujudan sekolah Cina yang sudah wujud di Daerah Tuaran dalam lingkungan tahun yang dikaji misalnya SRJK (C) Kok Wah, SRJK (C) St. Philip dan SRJK (C) Chung Hwa.

¹² Jacqueline Aidah Walter. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka*. Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan. Hlm. 17.

¹³ Ibid. Hlm. 22.

¹⁴ Seah, Soo Lin. 2001. *Perkembangan Sekolah-Sekolah Cina di Borneo Utara/Sabah 1888-1970: Suatu Tinjauan dari Segi Sejarah*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Hlm. 39.

BIBLIOGRAFI

1. REKOD KERAJAAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Maklumat Ringkas Mengenai Daerah Tuaran. Pejabat Daerah Tuaran.

Data Maklumat Daerah Tuaran. Pejabat Daerah Tuaran. Tuaran: Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tuaran.

Perancangan Strategi Pendidikan (Blue Print), 1993-1997. Sejarah sekolah Kebangsaan Nongkolud, Tuaran.

SK. Pekan Telipok (Blue Print) 1989-1993, Sejarah sekolah.

Mesyuarat agung PIBG kali ke-9, 2009 dan pelancaran laman web sekolah. 15 mac 2009. Bertempat di Dewan SK Lok Yuk telipok. Dirasmikan oleh En. Aslie bin Sahat, Pegawai Pelajaran Daerah Tuaran.

Perancangan Strategi Pendidikan (Blue Print), 1993-1997. Sejarah Sekolah Kebangsaan Nongkolud, Tuaran.

2. LAPORAN-LAPORAN KERAJAAN

Annual Report North Borneo 1950

Annual Bulletin of Statistics Sabah 1969. Department of Statistics Malaysia. Sabah Branch, Kota Kinabalu.

Annual Bulletin of Statistics Sabah 1979. Department of Statistics Malaysia. Sabah Branch, Kota Kinabalu.

Annual Bulletin of Statistics Sabah 1989. Department of Statistics Malaysia. Sabah Branch, Kota Kinabalu.

Colonial Report North Borneo 1953.

Colonial Report North Borneo 1949.

North Borneo Annual Report 1952.

Sabah Annual Report 1963.



3. FAIL-FAIL ARKIB

Pendidikan. No.40. Sejarah Pendidikan Selepas Kemerdekaan 1963: Sejarah Awal Selepas Merdeka.

Sekolah. Box No. 20. Kent's Vol. 1, 1955.

SMK. Tuaran. No. ED/EFA/173. Ucapan Perasmian Sekolah Menengah Kerajaan Badin Pada Hari Selasa 17hb. Ogos 1976.

Tamparuli. Doket No.29. Daerah Kecil Tamparuli.

Sekolah. Kotak No. 24. Sejarah Ringkas Sekolah Menengah Kebangsaan Kiulu.

Tuaran. Doket No. 33. Tuaran Hari Ini sedang Membangun.

Tuaran. Doket No. 33. Jabatan Pelajaran Tuaran 1969.

Tuaran. Doket No. 33. Jabatan Pertanian Tuaran.

Tuaran. Doket No. 33. Kampong Merbahai.

Tuaran. Doket No. 33. Pejabat Daerah Tuaran.

Tuaran. Doket No. 33. Petempatan Awal.

Tuaran. Doket No. 33. Projek-Projek Sosial Yayasan Sabah Daerah Tuaran.

Tuaran. Doket No. 33. Rumah Kedai (lama) Tuaran.

Tuaran. Doket No. 33. Sejarah Ringkas Daerah Tuaran.

Tuaran. Doket No.33. sejarah Ringkas Jabatan Perubatan, Tuaran.

Tuaran. Doket No. 33. Urusetia Kecil Tuaran.

Tuaran. No. 33. Yayasan Sabah Tuaran.

Vernacular School, Mengkabong. No. 17. Minute by His Excellency to Government Secretary Regarding Vernacular Schools (01155/252).

Vernacular School, Mengkabong. No. 15 A (3). Government Secretary's Office Sandakan 3 Feb 1939: The Resident, West Coast Jesselton.

Vernacular School, Mengkabong. No. 27 A (1). From His Excellency the Governor's Adress at the Legislative Council Meeting Held on 13.1.40- Original at 016117/48- Legislative Council Meeting, 1940.

4. FAIL-FAIL JABATAN

Sejarah Sekolah. SKBT/100/03/08-01. Sejarah Sekolah Kebangsaan Berungis.

5. TESIS/LATIHAN ILMIAH

Hilladzirah/Hani bte Abd. Hamid. 1998/1999. *Perkembangan Sekolah-Sekolah di Jesselton pada Tahun 1880-an hingga 1941*. Universiti Malaya: Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial.

Jacqueline Aidah Walter. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka*. Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan.

Seah, Soo Lin. 2001. *Perkembangan Sekolah-Sekolah Cina di Borneo Utara/Sabah, 1888-1970: Suatu Tinjauan dari Segi Sejarah*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

6. BUKU

Abd. Hakim Mohad. 2004. *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Yayasan Sabah Dalam Aspek Pendidikan*. Mohd. Sarim Hj. Mustajab & G. Anantha Raman (ed). *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia: Prosiding Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia 2003*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan. 1997. *Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.

Anwar Sullivan & Leong, Cecelia. 1981. *Commemorative History of Sabah 1881-1981*. 1st Edition. Kuala Lumpur: The Sabah State Government Centenary Publications Commitee.

Atan Long. 1988. Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Bill, Campbell. *Berjaya's Success Story*. Kota Kinabalu: The Press and Publications Division. The Chief Ministers Department.

- Charles Ayub Tabad. 2007. *Tuaran Towards Excellence*. Sabah: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman. et.al. 1998. *Sejarah dan proses pemantapan negara-bangsa: prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ibrahim Saad. 1990. *Perubahan Pendidikan di Malaysia: Satu Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Evans, Ivor H.N. 1990. *Among Primitive Peoples in Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Ibrahim Shihab, et.al. Ustaz Hassan Saleh (Penterjemah). 1965. *Asas-Asas Pendidikan*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Kitingan, Jeffery G. & Ongkili, Maximus J. 1989. *Sabah: 25 Years Later 1963-1988*. Sabah: Institute for Development Studies.
- Jackson, Jame C. 1976. *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri Yang Sedang Membangun*. Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd.
- Sidhu, Jatswan S. t.th. *Sejarah Sosio-ekonomi Brunei 1906-1959*.
- Kamarudin Hj. Kachar. 1989. *Pendidikan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Lee, Yong Leng. 1982. Sabah: *Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lee, Yong Leng. 1965. *A Study in Settlement Geography*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Majin bin Haji Ajing. 1980. *Pelajaran di Sabah 1963-1973*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian Di Sabah: 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ariff bin Dato' Hj. Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-Undang, dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka.
- Mohd Fauzi Patel (ed.). 2004. *The Harris Vision for Sabah: A Collection of Selected Speeches by datuk Harris Mohd Salleh*. Kota Kinabalu: Gaya House Sdn. Bhd.

- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia: 1800-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Nor Long. 1978. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab & G. Samantha Raman, (ed.). 2003. *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mok, Soon Sang. 2003. *Pendidikan di Malaysia*. Edisi Ke-8. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Oscar, Cook. 1991. *Borneo: The Stealer of Hearts*. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Persekolahan di Sabah Hingga Tahun 76*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah, Bahagian Kajilidik Sosial dan Pendidikan.
- Robiah Sidin. 1988. *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Selangor: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Sabihah Osman & Md. Saffie b. Abdul Rahim. 2005. *Rencana Khas: Sejarah Pendidikan di Sabah*. Kota Kinabalu.
- Saedah Hj. Siraj, et.al. 1993. *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Seah, Soo Lin. 2001. *Perkembangan Sekolah-Sekolah Cina di Borneo Utara/Sabah 1888-1970: Suatu Tinjauan dari Segi Sejarah*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Sherwood,Lingenfelter G, (ed.). 1990. *Social Organization of Sabah Societies: Studies from Six Societies, Bonggi, Ida'an, Lotud, Makiang, Tagal, Timugon*. Sabah: Sabah Museum and State Achieves Department.
- Stephen, et.al (ed). 1973. *In Search of a Futurefor Education: Reading in Foundation*. USA: Charles E. Merill Publishing Company.
- Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. 1990. *Perkembangan Pendidikan Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Talib Samat. 1986. *Menjelajah Negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tang Chee Yee. 1992. *Negara Kita*. Sha Alam: Fajar bakti sdn. Bhd.
- Wasli bin Yusof. 1980. *Sejarah Ringkas Daerah Tuaran*. Sabah: Library Sabah State Archives.

Wong Tze Ken (Denny). 2004. *Historical Sabah: Community and Society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).

Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. 2003. *Pendidikan Negara Bangsa*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

7. KAMUS

Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr (Koordinator), et al. 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hajah Noresah bt. Baharom, (ed.). et al. 2002. *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

8. ARTIKEL/MAJALAH

Akinabalu 86/87, Sekolah Menengah kebangsaan Tambaruli. Sabah: Dewan bahasa dan Pustaka.

Jurnal Pendidikan Keluaran 1 1991/1992. Maktab Perguruan Kent.

Majalah Maktab Perguruan Kent Tuaran 78/79.

Majalah Tahunan 1986. SMK Tun Fuad Stephen.

Majalah Tahunan Bil. 2 1987. SMK Tun Fuad Stephen.

Majalah Tahunan Bil. 3 1988. SMK Tun Fuad Stephen.

Mutiara SM. St. John, bil. 2 Okt 1988. Akhbar Tahunan.

St. John's Journal Volume 10 1974.

Tunas Bilangan 1, 1976. SMK. Badin Tuaran.



9. LAMAN WEB/EMEL

Pemandangan

Sekolah.<<http://www.sabah.edu.my/sjkc.sphlip/pemandangan.html>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

Pengasas, Tokoh dan Sejarah.<<http://www.tuaran.st.john/PENGASAS ST.JOHN.htm>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

Sejarah Sekolah.<<http://www.sabah.edu/sejarahbm.html>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

Sejarah Sekolah.<<http://www.sabah.edu.my/sjkc.kwahtlb/SejMelayu.html>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

Sejarah Sekolah.<<http://www.sabah.edu.my/sjkc.sphlptpr/sejarahbm.html>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

Sejarah SK. Sungai Damit.<<http://sksgdamit.wordpress.com/sejarahsk-sg-damit/>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

SK. Tudan Ulu Tuaran. <<http://sktudan.wordpress.com/sejarah-sk-tudan/>>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

SRJK (C) Chung

Hwa.<http://www.sabah.edu.my/chwa.tmp/bm_folder/pengenalan.html>. Dilihat pada 22 Mac 2009.

10. RESPONDEN YANG DITEMUBUAL

En. Bakri Dani. Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Tuaran. Pada 26 Februari 2009. Jam 3.15 petang. Pejabat Pendidikan daerah Tuaran.

En. Darasin Kasim. Penyelia Hal-Ehwal Pelajar, SK Kindu Tuaran. Pada 02.02.2009. Jam 11.40 pagi. SK. Kindu Tuaran.

Puan Hajah Siti Ramlah. Isteri Ketua kampung, Kg. Serusup. Pada 26.02.2009. Jam 2.30 petang. Kg. Serusup Tuaran.

En. Haji Basri bin Muhiddin. Ketua kampung Serusup. Pada 26.02.2009. Jam 2.30 petang. Kg. Serusup Tuaran.

Haji Haris bin Haji Abu Bakar. Penduduk kampung. Pada 02.04.2009. Jam 12.30 petang.
Bertempat di kediaman beliau di Kg. Bunga.

Puan Julita binti Gatak. Penduduk kampung Kg. Bukit Giling Tuaran. Pada 11.01.2009.
Jam 2.00 petang. Kg. Bukit Giling Tuaran.

Cik Norhayati Shafie. Guru Perpustakaan SMK. Badin Tuaran. Pada 06.05.2009. Jam
2.30 petang. SMK. Badin Tuaran.

En. Rahman Awang. Guru Besar SK. Kindu Tuaran. Pada 02.04.2009. Jam 11.40 pagi.
SK. Kindu Tuaran.

En. Rejoss Moo. Guru Besar SK. Pekan Tamparuli. Pada 06.05.2009. jam 3.45 petang.
SK. Pekan Tamparuli.

En. Salubin bin Gorib. Penduduk Kampung Bukit Giling. Pada 22.02.2009. Jam 3.00
petang. Kg. Bukit Giling Tuaran.